

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-LIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN  
SAMY VELLU**

**TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah status Terminal Bersepadu Gombak yang sepatutnya telah mula beroperasi tetapi masih belum lagi beroperasi sehingga kini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terminal Bersepadu Gombak masih sedang dalam fasa pembangunan fizikal yang mana kemajuan fizikal projek setakat 15 Oktober 2024 adalah 99.60%. Pelaksanaan projek pembangunan pada masa ini adalah di dalam tempoh remedи yang dilanjutkan disebabkan oleh syarikat konsesi yang dilantik tidak dapat menyempurnakan dan menyerahkan projek sepenuhnya kepada Kerajaan dalam tempoh remedи asal yang telah ditetapkan selama 20 bulan bermula 1 Mac 2022 hingga 30 April 2024 berpunca daripada kekangan kewangan untuk menyiapkan baki kerja.
2. Justeru, Jemaah Menteri melalui mesyuarat pada 24 Julai 2024 telah menimbang dan bersetuju dengan syor Memorandum Jemaah Menteri daripada Perdana Menteri untuk melanjutkan tempoh remedи selama lapan (8) bulan mulai 1 Mei 2024 sehingga 31 Disember 2024 bagi membolehkan syarikat konsesi menyelesaikan kerja-kerja fizikal di tapak yang berbaki 1.28% pada masa tersebut.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Pembangunan Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak (GITT) adalah di bawah Bahagian Pembangunan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) dan hanya akan diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) setelah projek pembangunan siap sepenuhnya dan bersedia untuk beroperasi.

Sekian, terima kasih.